



KENYATAAN MEDIA

PENYERTAAN TEMPATAN YANG BAIK BAGI TENDER KONTRAKTOR TURNKEY MRT LALUAN LINGKARAN

***Tiga daripada empat tender yang dikemukakan adalah
dari syarikat tempatan***

Kuala Lumpur, 19 Januari 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan bahawa empat konsortium telah mengemukakan tender turn-key bersama pembiayaan bagi kontrak MRT Laluan Lingkaran selepas penyerahan tender ditutup semalam.

Tiga daripada empat penyerahan tender tersebut adalah daripada konsortium syarikat-syarikat Malaysia.

MRT Corp berpuas hati dengan sambutan yang baik terhadap tender turn-key bagi Laluan Lingkaran, di mana sebahagian besar daripada penender adalah konsortium tempatan yang dapat memenuhi syarat untuk menyertai tender ini, kata Pengarah Projek Laluan Lingkaran MRT Corp Dato' Ir Zohari Sulaiman.

"Penyertaan untuk tender ini, yang telah bermula pada 15 November 2017, telah membuktikan kritikan yang dilontarkan oleh beberapa pihak adalah tidak tepat sama sekali, terutama pada mereka yang telah mengatakan bahawa model turn-key akan menutup peluang bagi syarikat-syarikat tempatan untuk menyertai tender itu," kata Zohari.

Empat penender ialah seperti di bawah:

- i) Sapura - TIEC Consortium
- ii) MMC-Gamuda – George Kent Joint Venture
- iii) Pacific – Mudajaya – JEC Consortium
- iv) China Communications Construction Company Limited – China Communications Construction Company (M) Sdn Bhd JV

Penilaian akan dibuat oleh MRT Corp berdasarkan Tender Penilaian Terbaik (Best Evaluated Tender) berdasarkan tiga kriteria penilaian utama; teknikal, status kewangan dan pakej pembiayaan. Cadangan ini kemudiannya akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan dan kelulusan.



Kontrak ini dijangka akan dianugerahkan dalam suku pertama tahun 2018.

"Dengan menggunakan model tender turn-key MRT Corp mempunyai pilihan terbaik untuk pembiayaan projek ini, kerana kami akan cuba mendapatkan kos paling rendah untuk pembiayaan projek ini," kata Zohari.

Walau bagaimanapun, sekiranya pilihan pakej pembiayaan tidak memuaskan, kami akan kembali ke struktur pembiayaan lama iaitu melalui DanalInfra, tambah Zohari.

MRT Corp telah mengambil langkah untuk membuka tender dengan berasaskan turn-key, berbanding melantik sebuah kontraktor atau konsortium secara langsung, kerana ini akan menggalakkan pilihan pembiayaan yang lebih kompetitif untuk struktur projek baru.

Dalam memastikan penyertaan syarikat tempatan dalam projek ini, MRT Corp akan menetapkan keperluan untuk penyertaan syarikat Malaysia dan Bumiputera sebagai satu syarat kontrak turn-key. Mekanisme yang ketat akan dirangka untuk memastikan syarat ini dipatuhi oleh penender yang Berjaya.

"MRT Corp akan memastikan bahawa Agenda Bumiputera akan diteruskan bagi Laluan Lingkaran, seperti mana yang telah dilakukan untuk laluan MRT pertama dan kedua, iaitu MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP)," kata Zohari.

Tarikh tutup penyerahan tender pada asalnya telah ditetapkan pada 29 Disember 2017, tetapi ia telah dilanjutkan sehingga 18 Januari 2018 kerana MRT Corp telah menerima permintaan untuk perlanjutan ini oleh peserta tender kerana mereka memerlukan masa yang lebih panjang untuk memuktamadkan cadangan pembiayaan mereka.

Dengan penutupan penyerahan tender, MRT Corp akan menjalankan pelbagai aktiviti termasuk persiapan untuk Kajian Ramalan Penumpang Terperinci (Detailed Forecast Ridership Study), Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci, Penilaian Impak Sosial dan Penilaian Impak Warisan.

MRT Laluan Lingkaran dijangka sepanjang 40km, di mana anggaran 32km akan berada di bawah tanah dengan 26 stesen yang dirancang sepanjang jajaran. Laluan yang akan melalui sekitar pinggir bandaraya Kuala Lumpur dan akan bersilang dengan semua rangkaian rel bandar di Lembah Klang. Ia akan memperluaskan liputannya dengan ketara dan memberikan mobiliti yang lebih besar kepada penumpang.

-tamat/

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my